

22/11/1997

Kedutaan Malaysia di Barat perlu aktif

Ahmad Tajuddin Baharuddin; Roslan Ibrahim

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Terengganu yang menyentuh soal masyarakat Yahudi dan masalah kejatuhan nilai ringgit menjadi isu hangat dan mencetuskan perdebatan antarabangsa. Pelbagai reaksi timbul, sehingga 34 ahli Kongres Amerika Syarikat membuat usul mendesak Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatan.

Akhbar dan media Amerika tidak henti-henti memainkan sentimen negatif. Serangan bertali arus media Barat itu menyebabkan Kementerian Penerangan bercadang membeli ruang akhbar dan masa siaran media utama di luar negara terutama Eropah dan Amerika bagi membetulkan gambaran salah terhadap Malaysia, khususnya mengenai Dr Mahathir. Soalnya, adakah perlu kita berkempen menerusi iklan seperti itu kerana ia bukan percuma sedangkan kita ada wakil yang sepatutnya menguruskan perkara itu.

Media Amerika dan Eropah pada masa ini sudah menggambarkan Dr Mahathir secara negatif. Bagaimanapun, kita tidak dapat memperjelas keadaan sebenar kerana jika memberi penerangan melalui media mereka, kenyataan itu tidak mendapat perhatian.

Namun begitu, mungkinkah kita juga sudah tersilap kerana tidak menganggap media sebagai satu 'barisan depan?' Tidak dapat dinafikan kadang kala di medialah, sesuatu isu ditimbulkan dan di situ jugalah tempat sesuatu isu boleh dimenangi atau dikalahkan. Di barisan depan inilah kaunselor penerangan atau pegawai akhbar di Kedutaan Malaysia di luar negara boleh memainkan peranan penting.

Strategi melawan media Barat memerlukan kecekapan, kefahaman dan pengalaman profesional mengenai cara media itu berfungsi. Tanpanya, agak sukar bagi seseorang pegawai yang dilantik sebagai kaunselor penerangan atau pegawai akhbar menjalankan tugas untuk menyebarkan maklumat mutakhir kepada akhbar-akhbar utama di negara berkenaan.

Jarang sekali kita lihat kaunselor penerangan atau pegawai akhbar di kedutaan Malaysia di luar negara bertindak secara proaktif atau 'go on the offensive'. Mereka tidak semesti menunggu berita buruk mengenai Malaysia disiarkan di dalam akhbar untuk bertindak. Pegawai terbabit sepatutnya dapat menjangka bagaimana sesuatu laporan berita di akhbar Malaysia boleh diputarbelitkan dan mereka sepatutnya boleh merangka strategi menangkisnya.

Pegawai terbabit mestilah mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang membolehkannya mengenali akhbar yang berpengaruh dan berusaha untuk menemui pengarangnya. Sebagai contoh, tidak ada salahnya pegawai terbabit menghubungi pengarang akhbar Washington Post dan mengajaknya makan tengah hari. Sambil menjamu selera, pegawai berkenaan boleh memperjelaskan sesuatu laporan negatif.

Pendekatan ini disokong Dekan Fakulti Komunikasi Massa, Institut Teknologi Mara (ITM), Dr Baharuddin Aziz, yang berpendapat kaunselor penerangan yang berkhidmat di luar negara perlu memainkan peranan lebih berkesan, bukan hanya menjalankan tanggungjawab pentadbiran atau menghadiri majlis makan malam semata-mata.

Katanya, kegagalan pegawai penerangan di kedutaan luar negara termasuk Amerika memainkan peranan berkesan menangkis serangan terhadap negara ini menyebabkan isu usul ahli Kongres itu terus berpanjangan sehingga mengheret rakyat negara ini bersatu menentang kebiadaban negara berkenaan.

"Saya berpendapat isu yang ditimbulkan itu tidak menjadi terlalu kontroversi jika duta atau pegawai akhbar kedutaan boleh memanggil

pengarang akhbar atau televisyen di Amerika Syarikat untuk makan tengah hari atau mengadakan sidang akhbar mengenai Malaysia.

"Bagaimanapun, mungkin kerana kurang keyakinan, rasa rendah diri atau kelemahan berhujah untuk menangkis hujah editor akhbar dan televisyen Amerika menyebabkan mereka gagal berbuat demikian.

"Mungkin pegawai penerangan di kedutaan Malaysia di luar negara kurang mempunyai latihan atau pengalaman mengenai media sehingga masing-masing bermain tarik tali apabila berlaku konflik atau serangan media asing terhadap negara ini," katanya.

Katanya, kerajaan wajar melantik pegawai penerangan berwibawa bagi mengendalikan sebarang isu yang ditimbulkan media Barat, malah mereka perlu membiasakan diri dengan pengarang akhbar dan televisyen, bukan memencilkan diri atau kedekut untuk memberi maklumat mengenai negara ini.

"Pegawai penerangan sekali sekala boleh menjemput pengarang akhbar atau televisyen di Amerika Syarikat mengadakan pertemuan kerana selain merapatkan hubungan, mereka boleh memberi maklumat mengenai Malaysia.

"Kita jangan terlalu kedekut dan mengambil pendekatan tutup mulut kerana percayalah jika kita boleh mewujudkan hubungan dua hala, akhbar atau televisyen akan berfikir dua kali apabila mahu memainkan sesuatu isu mengenai Malaysia," katanya.

Beliau mencadangkan kerajaan mengambil pegawai yang berpengalaman dalam urusan media atau pensyarah komunikasi sebagai pegawai penerangan untuk berkhidmat secara kontrak bagi memudahkan segala informasi dan menangkis serangan media asing.

Sudah semestinya pegawai yang dilantik sebagai kaunselor penerangan atau pegawai akhbar mempunyai personaliti menarik, boleh bertutur dengan baik dalam bahasa Inggeris atau bahasa negara tempat dia bertugas, dan paling penting sekali berpengetahuan mengenai media dan mempunyai keyakinan diri.

Dr Baharuddin berkata, memang menjadi budaya media Barat menulis sesuatu secara kritikal dan pedas sehingga kadangkala menimbulkan kontroversi kerana mereka berpendapat Barat lebih berwibawa dan boleh melakukan apa saja.

Menurutnya, apa yang dilakukan akhbar dan televisyen di Amerika itu adalah sebahagian daripada strategi media bagi mencari keuntungan, populariti dan nilai komersil. Kadang kala mereka (media) sengaja menimbulkan isu untuk mencetuskan perdebatan dan mencapai matlamat untuk mendapat laba.

"Saya berpendapat, kerajaan tidak perlu melatah setiap kali media asing menyerang negara ini kerana kita mempunyai alternatif lain termasuk meneroka penerbitan sendiri bagi menangkis serangan kuasa Barat daripada membuang wang untuk membeli ruang akhbar dan masa siaran media utama di negara berkenaan.

"Bagaimanapun, tahap dan kualiti penerbitan negara ini masih rendah sehingga gagal menembusi media di pasaran Barat, antaranya menghasilkan rancangan tertentu seperti rencana khas mengenai Malaysia. Kita mempunyai keupayaan ke arah itu tetapi teknologi media tempatan termasuk milik swasta gagal menghasilkan rancangan bermutu malah ketika kita menghadapi masalah jerebu, tiada penerbitan khusus diterbitkan untuk memberitahu keadaan sebenar kepada masyarakat antarabangsa supaya tidak berlaku salah faham.

"Walaupun mempunyai satelit sendiri, Measat, kita gagal mengambil kesempatan menggunakan teknologi itu untuk memberi maklumat terperinci termasuk melalui sidang video dua hala mengenai negara ini," katanya.

Katanya, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) sebagai media rasmi kerajaan dan dihubungkan dengan pelbagai satelit di seluruh dunia boleh memainkan peranan berkesan dengan menghasilkan rancangan bermutu dan serius tetapi apa yang berlaku mereka (RTM) terlalu ghairah mengejar nilai

komersil sehingga TV1 RTM misalnya tidak mempunyai identiti nasional.

Dalam menangani masalah jerebu, tidak dapat dinafikan, pihak yang terbabit dalam penyebaran maklumat tidak agresif sehingga rangkaian tv Barat dengan mudah menyiarkan berita yang memberi gambaran negatif. Tidak adakah seorang pegawai Malaysia di Amerika Syarikat dan Britain yang berani muncul di dalam satu `talk show' di tv untuk memberi penjelasan?

Mungkin segalanya berpunca daripada Perintah Am yang melarang pegawai kerajaan bercakap dengan media? Dalam hal-hal tertentu, media perlu dilayan dan ditangani secara profesional. Janganlah tugas pegawai terbabit hanya terhad kepada tindakan memotong keratan akhbar dan menghantarnya ke Wisma Putra.

Dr Baharuddin juga menyarankan penggunaan pelbagai media untuk menyampaikan mesej kita. India misalnya boleh menyampaikan mesejnya dengan mengeluarkan filem Hindi untuk dieksport ke luar negara, begitu juga Taiwan atau Hong Kong untuk menghasilkan filem Kantonis atau Mandarin untuk pasaran di Barat.

"Jika kita tahu masyarakat Barat boleh menerima filem aksi Cina, mengapa kita tidak boleh mengeluarkannya untuk pasaran di negara berkenaan dan dalam waktu yang sama kita selitkan mesej atau maklumat mengenai negara ini.

"Kaedah itu dilakukan oleh penerbit filem di Hong Kong sehingga mereka dapat diterima di Barat malah masyarakat Eropah dan Amerika banyak mengetahui perkembangan semasa di Hong Kong," katanya.

Kerajaan juga patut menggunakan institusi komunikasi tempatan dengan melabur dan mengadakan kerjasama dua hala bagi melahirkan lebih ramai pakar komunikasi setanding yang dihasilkan oleh universiti di Barat supaya mereka dapat digunakan untuk berhadapan dengan media asing.

Beliau meminta Institusi Diplomasi dan Hubungan Luar Negara di Jabatan Perdana Menteri (JPM) menghantar pegawai penerangan yang akan bertugas di luar negara berkursus dalam bidang media dan komunikasi di institusi pengajian tempatan sebelum bertugas di luar negara bagi memudahkan tugas terutama ketika menghadapi media asing.

"Pada saya Dr Mahathir jangan bimbang dengan laporan negatif media asing kerana kita tidak boleh menyekat mereka menulis tetapi sebagai manusia berfikiran waras, sesiapa juga tidak percaya dengan dakwah 34 anggota Kongres Amerika termasuk dutanya di negara ini.

"Kita patut melihat secara positif perkara itu dan apa salahnya menjemput 34 anggota Kongres itu ke negara ini kerana mungkin selepas melihat pembangunan pesat di Malaysia dan mendengar penerangan kita, mereka akan malu dengan kebodohan sendiri," katanya.

Dr Baharuddin mengakui, sukar bagi negara Asia mengawal media Barat kerana mereka terlalu jauh ke depan, kecuali kerajaan melalui pihak tertentu mempunyai kewangan kukuh, membeli atau memiliki akhbar dan stesen televisyen di Barat.

(END)